

ASEAN digesa banteras kegiatan jenayah si ber

UM 14 JUL 2001

KUALA LUMPUR 13 Julai — ASEAN digesa menubuhkan Pusat Penyelarasan Keselamatan Rangkaian ASEAN bagi membanteras kegiatan jenayah siber dan penyebaran maklumat salah melalui Internet yang semakin bertambah sekarang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kedua-dua kegiatan itu perlu dibendung kerana ia akan merosakkan segala usaha gigih kerajaan dan sektor swasta rantau ini merealisasikan ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi).

“Golongan ini termasuk sindiket penjenayah antarabangsa, penggadam amatur, pencipta virus dan penipu wang elektronik boleh membawa bencana kepada infrastruktur maklumat yang merupakan asas kepada masyarakat bermaklumat,” katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap merasmikan Mesyuarat Menteri-Menteri Telekomunikasi ASEAN (Telmin) Pertama di Hotel Mandarin Oriental hari ini.

Teks ucapannya dibacakan oleh Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie.

Dr. Mahathir berkata, banyak negara cuba untuk menangani isu itu melalui perundangan dan peraturan tetapi ia tidak memberi kesan yang be-

sar berikutan karektor Internet yang global.

Beliau memberi contoh, bagaimana seseorang yang bertanggungjawab terhadap penyaluran maklumat salah tidak boleh dikenakan tindakan oleh sesebuah negara hanya kerana laman web itu dikendalikan di luar sempadan negara tersebut.

Dalam hubungan ini, tegasnya, kerjasama serantau sangat penting dan ASEAN juga boleh menggunakan pusat penyelarasan tersebut untuk menyatakan pendiriannya secara bersama dalam forum antarabangsa.

Katanya, pusat penyelarasan itu juga boleh memainkan peranan penting bagi menilai kesiediaan negara-negara ASEAN berhubung keselamatan elektronik (e-security).

“Ia juga boleh memudahkan program latihan dan pertukaran bagi menguatkuasakan keselamatan rangkaian serantau,” katanya.

Selain itu, katanya, ASEAN boleh merangka formula yang komprehensif untuk menjalankan kegiatan perdagangan elektronik (e-commerce) serantau menerusi pusat penyelarasan tersebut.

Dalam ucapannya itu, Dr. Mahathir turut menggariskan beberapa isu penting lain yang perlu dibincangkan dengan serius oleh mesyuarat tersebut.

Antara yang utama ialah usaha merapatkan jurang digital

di kalangan negara-negara ASEAN dengan memastikan pengagihan yang lebih meluas dalam infrastruktur komunikasi dan maklumat.

“Adalah sangat baik sekiranya wujud pelaburan dalaman ASEAN oleh svarikat-svarikat telekomunikasi” di rantau ini,” katanya.

Pada masa yang sama, katanya, pembangunan kemahiran dan kepakaran juga perlu diperluaskan untuk menggalakan penggunaan teknologi maklumat dan telekomunikasi (ICT).

Katanya, ASEAN disaran menubuhkan Pusat Kecemerlangan Serantau dalam bidang ICT dan fungsinya dikembangkan kepada telependidikan dan pendidikan jarak jauh menggunakan satelit.

Dr. Mahathir berkata, ASEAN juga perlu memberikan fokus untuk membangunkan kandungan tempatan dan serantau kerana kesemua anggota ASEAN sebenarnya mempunyai banyak persamaan budaya.

Katanya, langkah itu boleh menjadikan ASEAN sebagai pusat maklumat serantau.

“Ini akan menjadi peluang terbaik untuk membuat perubahan dalam budaya media elektronik supaya mementingkan fakta yang tepat dan tidak kepada spekulasi dan pandangan berat sebelah,” jelasnya.